



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN AMANAH

KETETAPAN UMUM NO. 9/2020

TARIKH PENERBITAN: 6 NOVEMBER 2020

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Amanah	2
6. Orang yang Boleh Dikenakan Cukai	8
7. Asas Taksiran	9
8. Taraf Mastautin	9
9. Punca Pendapatan	11
10. Kadar Cukai	11
11. Layanan Cukai Suatu Badan Amanah	11
12. Benefisiari Amanah	15
13. Amanah Budi Bicara	22
14. Amanah Campuran	26
15. Pendapatan daripada Amanah Tertakluk kepada Amanah untuk Pengumpulan	29
16. Anuiti Amanah	34
17. Anuiti Bersama	37
18. Anggaran Cukai yang Kena Dibayar dan Bayaran Ansuran	40
19. Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan	40
20. Pencukaian Pemegang Amanah	40
21. Pencukaian Penyelesai yang Membuat Penyelesaian untuk Penerima Bawah Umur	40
22. Penafian	41

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini ialah untuk memberikan penjelasan mengenai pencukaian amanah termasuk penentuan pendapatan berkanun benefisiari daripada amanah.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 21, 21A, 33, 39, 44, 55 hingga 58, 61, 62, 63, 65, 67, 73, 77A, 103, 107C, 110, 122, subseksyen 112(3), perenggan 4(b) dan 4(e) dan Jadual 1 dan 6.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Badan amanah”, berkaitan dengan suatu amanah, ertinya badan amanah yang diperuntukkan di bawah seksyen 61 ACP.
- 3.2 “Bukan pemastautin” bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia menurut seksyen 7 dan 8 dan subseksyen 61(3) ACP.
- 3.3 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.4 “Jumlah pendapatan”, berkaitan dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud jumlah pendapatan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.5 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.6 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran menurut seksyen 7 dan 8 dan subseksyen 61(3) ACP.
- 3.7 “Pendapatan yang boleh dikenakan cukai” berkaitan dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. Pengenalan

Umumnya, amanah adalah suatu cara untuk menguruskan harta / aset (wang, pelaburan, tanah atau bangunan) untuk orang. Ia menyediakan mekanisme pemegangan dan pengurusan wang atau harta untuk orang yang mungkin tidak bersedia atau dapat menguruskannya bagi pihak diri mereka sendiri. Amanah menguruskan pengagihan harta seseorang dengan memindahkan manfaat dan kewajipannya kepada orang yang berlainan. Antara sebab-sebab untuk menubuhkan amanah adalah seperti berikut:

- (a) untuk mengawal dan melindungi harta / aset keluarga;
- (b) apabila seseorang terlalu muda atau tidak berkemampuan untuk mengendalikan urusan mereka;
- (c) untuk menyerahkan harta / aset sementara seseorang individu masih hidup;
- (d) untuk menyerahkan harta / aset apabila kematian (dengan wasiat); atau
- (e) apabila seseorang mahu menubuhkan amanah kebajikan, amanah untuk pemeliharaan haiwan dan sebagainya.

5. Amanah

Ciri-ciri asas amanah adalah seperti berikut:

5.1 Pewujudan amanah

- (a) Pemindahan pemilikan harta / aset di sisi undang-undang

Amanah adalah pengaturan yang dibuat apabila terdapat pemindahan hak milik di sisi undang-undang oleh pemilik harta / aset (penyelesai, pemberi, atau pencipta amanah) kepada orang yang dilantik (pemegang amanah) dengan arahan supaya pemegang amanah memegang dan menguruskan harta / aset untuk manfaat orang lain (satu atau beberapa benefisiari). Butiran pengaturan akan dinyatakan di dalam surat ikatan amanah (dokumen undang-undang yang menubuhkan amanah) dan harta / aset yang diletakkan dalam amanah dikenali sebagai dana amanah.

- (b) Bukan entiti undang-undang yang berasingan

Amanah bukan merupakan entiti undang-undang yang berasingan tetapi amanah merupakan kewajipan yang saksama, mengikat seseorang (pemegang amanah) untuk berurusan dengan harta / aset yang mana dia mempunyai kawalan ke atasnya, bagi manfaat orang lain (benefisiari) yang boleh terdiri daripada dirinya sendiri, dan mana-mana orang yang boleh menguatkuasakan kewajipan tersebut.

- (c) Diwujudkan oleh orang yang hidup atau apabila berlaku kematian

Amanah boleh berkuat kuasa sepanjang hayat penyelesaian atau tidak lama selepas kematian penyelesaian. Amanah boleh diwujudkan semasa hayat penyelesaian dan tanpa bergantung dengan kematian mana-mana orang. Jika sesuatu wasiat memperuntukkan tiada pengagihan segera keseluruhan harta pusaka, amanah boleh diwujudkan di mana harta / aset tertentu dikekalkan untuk manfaat tertentu benefisiari, yang mungkin menikmati pendapatan yang timbul daripada harta / aset yang telah ditentukan oleh pewasiat (penyelesai yang meninggal dunia).

- (d) Surat Ikatan Pengaturan Keluarga


Benefisiari mungkin secara kolektifnya bersepakat untuk membuat beberapa pengaturan untuk manfaat salah seorang benefisiari. Ini boleh dilakukan dengan cara formal melalui Surat Ikatan Pengaturan Keluarga atau boleh dilakukan dengan cara tidak formal. Contoh tipikal ialah apabila seseorang meninggal dunia dan meninggalkan harta pusakanya untuk direalisasikan dan dibahagikan antara balu dan anak-anaknya. Anak-anaknya boleh bersepakat untuk tidak menuntut bahagian mereka dengan serta-merta, tetapi membenarkan ibu mereka menikmati seluruh pendapatan harta pusaka sepanjang hayatnya. Setelah kematian ibu, harta pusaka itu akan dibahagikan di kalangan anak-anaknya.

Untuk tujuan cukai pendapatan, pengaturan sedemikian sama ada formal atau tidak formal biasanya dianggap sebagai amanah. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) perlu berpuas hati bahawa skim ini dibuat dengan niat baik (*bona fide*) dan syarat-syarat pengaturan sebenarnya dilaksanakan.

5.2 Pihak-pihak yang terlibat dalam amanah

Amanah melibatkan penyelesaian, pemegang amanah dan benefisiari. Ia boleh diringkaskan melalui rajah berikut:

Struktur Asas Amanah



Fungsi pihak berkepentingan amanah adalah seperti berikut:

Pihak Berkepentingan	Fungsi
Penyelesai	• Mewujudkan amanah. • Pemilik asal harta / aset sebelum dipindahkan kepada amanah. • Menentukan bagaimana aset harus digunakan melalui surat ikatan amanah. • Memindahkan harta / aset yang dimiliki (wang, pelaburan, tanah dan bangunan) kepada amanah, iaitu dana amanah.
Pemegang Amanah	• Dilantik oleh penyelesai melalui surat ikatan amanah.

Pihak Berkepentingan	Fungsi
	• Penyelesai juga boleh menjadi pemegang amanah. • Benefisiari juga boleh menjadi salah seorang pemegang amanah. • Pemegang amanah boleh terdiri daripada individu, sekumpulan individu atau syarikat. • Pemilik di sisi undang-undang harta / aset yang dipegang dalam amanah. • Memegang harta / aset dalam amanah bagi pihak benefisiari. • Menguruskan amanah dan mentadbir hal-ehwal amanah selaras dengan hasrat penyelesai seperti yang dinyatakan di dalam surat ikatan amanah, contohnya, menentukan cara melabur atau menggunakan harta / aset amanah. • Memiliki kewajipan fidusiari kepada benefisiari, iaitu bertindak semata-mata demi kepentingan benefisiari apabila berurusan dengan aset amanah. • Untuk tujuan percukaian: ➤ Pemegang amanah adalah badan amanah. ➤ Selagi mana pemegang amanah merupakan ahli badan amanah, mereka secara bersama dan berasingan tertakluk kepada semua liabiliti yang mana mereka akan tertakluk kepada cukai di bawah seksyen 67 ACP sekiranya badan amanah tersebut merupakan prinsipal dan setiap pemegang amanah merupakan wakil menurut maksud seksyen tersebut. ➤ Dengan kata lain, untuk tujuan percukaian, hubungan antara amanah dan pemegang amanah adalah hubungan prinsipal dan wakil yang mana antara tanggungjawab pemegang amanah termasuklah - ✓ mendaftarkan amanah untuk pencukaian; ✓ menyimpan rekod; ✓ mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP);

Pihak Berkepentingan	Fungsi
	✓ bayaran cukai atau hutang yang perlu dibayar; dan ✓ menyediakan setiap benefisiari dengan perincian bahagian jumlah pendapatan mereka dari badan amanah, supaya benefisiari-benefisiari dapat melaporkan jumlah ini di dalam BNCP masing-masing. ➤ Pemegang amanah bertanggungjawab terhadap badan amanah untuk sebarang tempoh masa sebaik sahaja tanggungjawab atau kewajipan pemegang amanah timbul. ➤ Pemegang amanah yang melepaskan jawatannya tidak lagi bertanggungjawab terhadap badan amanah melainkan jika dia telah melakukan apa-apa perbuatan jenayah atau kecuai. ➤ Boleh dibayar saraan untuk perkhidmatannya sekiranya surat ikatan amanah memperuntukkannya secara khusus.
Benefisiari	• Satu benefisiari atau lebih. • Pemilik benefisial bagi aset yang dipegang dalam amanah. • Hak terhadap pendapatan dan modal bergantung kepada jenis amanah yang ditubuhkan. • Menerima manfaat pendapatan amanah (contohnya sewa, dividen) atau modal amanah (syer atau harta yang dipegang dalam amanah sehingga mencapai usia tertentu), atau kedua-duanya mengikut mana-mana yang berkenaan. • Hak kepada pendapatan amanah akan bergantung kepada surat ikatan amanah dan budi bicara pemegang amanah yang diberi kuasa menerusi surat ikatan amanah untuk memperuntukkan pendapatan antara benefisiari.

5.3 Jenis amanah

Antara jenis amanah adalah seperti berikut:

(a) Amanah nyata

Amanah nyata diwujudkan dengan pengetahuan dan dengan niat oleh seorang penyelesai. Surat ikatan amanah bagi amanah nyata akan menyatakan syarat-syarat amanah seperti berikut:

- (i) jenis harta / aset yang akan dipindahkan kepada amanah oleh penyelesai;
- (ii) benefisiari yang ditentukan; dan
- (iii) kuasa dan tugas pemegang amanah seperti pelaburan, perubahan kepentingan benefisiari, melantik pemegang amanah baharu dan sebagainya.

Antara contoh-contoh amanah nyata adalah *bare trust*, amanah budi bicara, amanah tanpa budi bicara atau amanah tetap, dan amanah awam yang ditubuhkan untuk tujuan kebajikan.

(b) *Bare trust*

Aset di dalam *bare trust* dipegang atas nama pemegang amanah dan ianya sering digunakan supaya aset tersebut dapat diserahkan kepada penerima bawah umur pada masa yang ditentukan. Aset-aset yang diketepikan oleh penyelesai selalunya akan diserahkan terus kepada benefisiari yang dimaksudkan pada usia yang telah ditetapkan. Tiada kewajipan lain yang perlu dilaksanakan oleh pemegang amanah kecuali untuk memindahkan harta tersebut kepada benefisiari, seperti yang diarahkan.

(c) Amanah budi bicara

Amanah budi bicara adalah amanah di mana pendapatan diagihkan kepada benefisiari mengikut budi bicara pemegang amanah. Pemegang amanah diberikan kuasa untuk membuat keputusan tertentu tentang cara penggunaan pendapatan amanah, dan kadang-kala penggunaan modal amanah. Surat ikatan amanah akan menentukan apa yang boleh diputuskan oleh pemegang amanah seperti -

- (i) apa yang perlu dibayar, sama ada pendapatan atau modal;
- (ii) pembayaran dibuat kepada benefisiari yang mana;
- (iii) kekerapan bayaran dibuat; dan

(iv) lain-lain syarat yang dikenakan ke atas benefisiari.

(d) Amanah tanpa budi bicara atau amanah tetap

Sekiranya surat ikatan amanah menyatakan nisbah atau hak setiap benefisiari seperti yang ditentukan oleh penyelesaian, amanah tersebut merupakan amanah tanpa budi bicara atau amanah tetap.

(e) Amanah untuk pengumpulan

Pemegang amanah boleh diberikan budi bicara untuk mengumpulkan sebahagian atau keseluruhan pendapatan dalam amanah dan menambahkannya kepada modal amanah. Pemegang amanah juga dibolehkan membayar pendapatan, seperti amanah budi bicara.

(f) Amanah bercampur

Amanah bercampur adalah apabila pemegang amanah mempunyai kuasa budi bicara ke atas sebahagian daripada pendapatan amanah dan kuasa tanpa budi bicara ke atas sebahagian lain daripada pendapatan amanah. Pendapatan amanah dibahagikan kepada bahagian budi bicara dan bahagian tanpa budi bicara. Pendapatan berkanun benefisiari terdiri daripada agregat bahagian budi bicara dan tanpa budi bicara.

(g) Amanah kebajikan

Amanah kebajikan ditubuhkan bertujuan untuk kemajuan pendidikan, pengurangan kemiskinan, kemajuan agama atau lain-lain tujuan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Amanah kebajikan berbeza daripada amanah-amanah lain kerana ia tidak mempunyai benefisiari tertentu tetapi sebaliknya ditubuhkan untuk tujuan tertentu. Bagi amanah kebajikan, benefisiari akan terdiri daripada kumpulan orang tertentu yang dikenal pasti.

(h) Amanah berwasiat

Amanah berwasiat diwujudkan melalui wasiat dan hanya berkuat kuasa apabila berlaku kematian pewasiat. Kebiasaannya, syarat-syarat amanah dinyatakan dalam wasiat pewasiat dan ianya sering ditubuhkan oleh penyelesaian yang ingin menyediakan manfaat untuk anak-anak mereka yang belum mencapai usia dewasa atau kurang upaya.

6. Orang yang Boleh Dikenakan Cukai

- 6.1 Bagi maksud percukaian, pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah suatu amanah adalah badan amanah. Sebuah badan amanah suatu amanah merupakan orang yang boleh dikenakan cukai yang tertakluk kepada

semua peruntukan di bawah ACP kecuali Bahagian VIII – Kesalahan-Kesalahan dan Penalti-Penalti (selain daripada seksyen 122 ACP).

- 6.2 Umumnya, Bahagian VIII ACP merangkumi seksyen 112 sehingga seksyen 126 adalah berkaitan dengan kesalahan dan penalti seperti kegagalan untuk mengemukakan borang, pengemukakan borang yang tidak betul, pengelakkan cukai yang disengajakan dan sebagainya.
- 6.3 Kesemua peruntukan Bahagian VIII ACP adalah tidak terpakai kepada sebuah badan amanah kecuali seksyen 122 ACP. Seksyen 122 ACP merangkumi keperluan untuk membayar cukai dan mengembalikan borang nyata walaupun tindakan prosiding undang-undang telah diambil atau pengenaan penalti, penalti khas, denda atau lain-lain dibuat (yang terpakai kepada sesiapa yang tertakluk kepada seksyen 122 kecuali badan amanah). Dengan kata lain, badan amanah masih perlu untuk membayar cukai dan mengembalikan borang nyata walaupun tidak tertakluk kepada:
- (a) penalti-penalti di bawah seksyen 112, 113 atau 114 ACP; dan
 - (b) pendakwaan di bawah seksyen 120 ACP.
- 6.4 Pendapatan badan amanah ditaksir dan dikenakan cukai secara berasingan daripada pendapatan benefisiari daripada mana-mana puncanya berkaitan dengan amanah, tanpa mengambilkira sama ada benefisiari itu juga merupakan salah seorang pemegang amanah bagi badan amanah tersebut.

7. Asas Taksiran

Tahun asas bagi suatu tahun taksiran atau tempoh perakaunan kewangan (untuk tempoh 12 bulan berakhir selain daripada 31 Disember) akan menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran badan amanah suatu amanah. Ia ditentukan menurut seksyen 21A ACP. Semua subseksyen bagi seksyen 21A ACP adalah terpakai kecuali subseksyen 21A(5) ACP.

8. Taraf Mastautin

8.1 Penentuan taraf mastautin badan amanah

Menurut subseksyen 61(3) ACP, taraf pemastautin badan amanah suatu amanah ditentukan seperti berikut:

(a) Pemastautin

Badan amanah akan dikira sebagai pemastautin di Malaysia untuk suatu tahun asas bagi suatu tahun taksiran jika, dan hanya jika, mana-mana pemegang amanah badan amanah itu bermastautin di Malaysia bagi tahun asas tersebut.


(b) Bukan pemastautin

Badan amanah akan dikira sebagai bukan pemastautin bagi suatu tahun asas itu jika tiada mana-mana pemegang amanah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas bagi tahun taksiran tersebut.

Sebagai tambahan, suatu badan amanah akan dikira sebagai bukan pemastautin untuk suatu tahun asas jika **semua** syarat berikut dipenuhi -

- (i) amanah diwujudkan di luar Malaysia oleh seseorang atau orang yang bukan warganegara;
- (ii) pendapatan badan amanah untuk tahun asas tersebut diperoleh dari luar Malaysia sepenuhnya;
- (iii) amanah ditadbir bagi keseluruhan tahun asas itu di luar Malaysia; dan
- (iv) sekurang-kurangnya separuh daripada pemegang amanah tidak bermastautin di Malaysia untuk tahun asas tersebut.

8.2 Ringkasan penentuan taraf mastautin badan amanah



8.3 Kepentingan taraf mastautin

Suatu badan amanah yang bermastautin di Malaysia akan menikmati layanan cukai seperti berikut:

- (a) boleh memotong daripada jumlah pendapatannya, bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah;
- (b) boleh memotong apa-apa anuiti yang kena dibayar kepada benefisiari; dan
- (c) apa-apa anuiti yang dibayar oleh badan amanah suatu amanah yang bermastautin kepada benefisiarinya dianggap diperoleh dari Malaysia, tanpa mengambilkira sama ada badan amanah itu mempunyai apa-apa jumlah pendapatan dalam tahun taksiran yang berkaitan atau tidak.

9. Punca Pendapatan

Punca pendapatan badan amanah suatu amanah adalah seperti berikut:

- (a) apa-apa punca yang merupakan sebahagian daripada harta / aset amanah seperti perniagaan, sewa, faedah, dividen dan pendapatan lain; dan
- (b) apa-apa punca pemegang amanah suatu amanah, yang merupakan punca pemegang amanah berkenaan pendapatan perkongsian di mana badan amanah adalah rakan kongsi dan cukai boleh ditaksir ke atas bahagian daripada pendapatan perkongsiannya.

10. Kadar Cukai

Badan amanah tertakluk kepada cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar semasa di bawah perenggan 2, Bahagian 1, Jadual 1 ACP. Kadar semasa yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 adalah 24%.

11. Layanan Cukai Suatu Badan Amanah

11.1 Skop cukai badan amanah

Badan amanah suatu amanah adalah tertakluk kepada cukai ke atas apa-apa pendapatan yang terakru dalam atau diperoleh dari Malaysia. Walau bagaimanapun, pendapatan punca asing yang diterima oleh amanah adalah dikecualikan cukai menurut perenggan 28, Jadual 6 ACP.

11.2 Potongan perbelanjaan

- (a) Dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi badan amanah suatu amanah, perbelanjaan yang kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan boleh dipotong menurut

subseksyen 33(1) ACP tertakluk kepada apa-apa larangan khusus di bawah seksyen 39 ACP.

- (b) Sekiranya pemegang amanah dibayar saraan bagi pengurusan dan pentadbiran amanah, saraan tersebut tidak boleh dipotong dalam penentuan jumlah pendapatan amanah. Perbelanjaan ini tidak dianggap kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan. Walau bagaimanapun, sekiranya dapat dibuktikan bahawa pemegang amanah terlibat secara langsung dalam menjalankan perniagaan amanah, saraan tersebut boleh dipotong jika ia kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan.

11.3 Jumlah pendapatan badan amanah dan hak bahagian benefisiari

Bagi tujuan cukai pendapatan, jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah perlu ditentukan. Hak bahagian setiap benefisiari suatu amanah kepada jumlah pendapatan badan amanah perlu dikira setelah jumlah pendapatan badan amanah ditentukan.

11.4 Penentuan hak bahagian benefisiari bagi pendapatan boleh agih dan jumlah pendapatan

Benefisiari menerima daripada amanah jumlah wang sebenar yang ada untuk diagihkan iaitu dikenali sebagai pendapatan boleh agih. Benefisiari akan menerima keseluruhan atau pecahan daripada pendapatan boleh agih daripada amanah mengikut hak bahagian benefisiari seperti yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah. Hak bahagian yang sama ini (keseluruhan atau pecahan) akan diguna pakai untuk jumlah pendapatan badan amanah bagi menentukan bahagian benefisiari dalam jumlah pendapatan badan amanah untuk tujuan percukaian benefisiari.

11.5 Jumlah pendapatan badan amanah

Jumlah pendapatan badan amanah bagi suatu tahun taksiran adalah tertakluk kepada cukai tidak kira sama ada bahagian daripada jumlah pendapatan itu boleh dianggap (di bawah seksyen 61 atau 62 ACP) sebagai pendapatan berkanun benefisiari.

Walaupun bagaimanapun, jika sebahagian daripada jumlah pendapatan badan amanah (yang bermastautin) bagi suatu tahun taksiran dianggap sebagai pendapatan berkanun benefisiari (yang bermastautin), KPHDN boleh, dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai badan amanah bagi tahun taksiran tersebut, memotong daripada jumlah pendapatan badan amanah bahagian benefisiari itu.

Dengan kata lain, pendapatan yang diperoleh oleh amanah dikenakan cukai di tangan badan amanah itu sendiri atau benefisiari. Pendapatan tidak akan dikenakan cukai lebih daripada satu kali. Jika sebahagian daripada

pendapatan telah diagihkan, badan amanah akan dikenakan cukai ke atas bakinya.

Contoh 1

Amanah AA adalah amanah pemastautin di Malaysia untuk tahun asas 2018. B, pemastautin di Malaysia adalah benefisiari tunggal amanah dan berhak kepada keseluruhan pendapatan boleh agih daripada amanah. Pendapatan berkanun badan amanah suatu amanah untuk tahun berakhir 31.12.2018 adalah seperti berikut:

Pendapatan Berkanun	RM
Sewa	60,000
Faedah	10,000

Tahun Taksiran 2018 Pengiraan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan yang Boleh Dikenakan Cukai

Pendapatan Berkanun	RM
Sewa	60,000
Faedah	10,000
Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan	70,000
Tolak:	
Bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan	70,000 ¹
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	Tiada

¹Nota

Potongan bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan sebanyak RM70,000 dibenarkan sekiranya KPHDN berpuas hati bahawa Amanah AA dan benefisiari B merupakan pemastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2018. Sekiranya tiada potongan dibenarkan, maka pendapatan yang boleh dikenakan cukai Amanah AA adalah RM70,000 dan cukai yang kena dibayar untuk tahun taksiran 2018 adalah RM16,800 (RM70,000 X 24%).

11.6 Maksud dan kepentingan pendapatan boleh agih

- (a) Apabila badan amanah suatu amanah mengagihkan pendapatan daripada amanah kepada benefisiarinya, pendapatan yang diagihkan adalah daripada pendapatan boleh agih. Pendapatan boleh agih tidak

ditakrifkan di dalam ACP. Maksud biasa pendapatan boleh agih adalah pendapatan yang diterima oleh amanah tolak perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh amanah. Pendapatan boleh agih akan ditentukan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum.

- (b) Pendapatan boleh agih berbeza daripada jumlah pendapatan. Jumlah pendapatan ditentukan mengikut peruntukan di bawah ACP manakala pendapatan boleh agih ditentukan mengikut prinsip perakaunan.
- (c) Kuantum pendapatan boleh agih dan jumlah pendapatan juga mungkin berbeza. Sesetengah perbelanjaan yang dilakukan mungkin tidak boleh dibenarkan potongan cukai dalam memperoleh jumlah pendapatan badan amanah tetapi untuk tujuan pengiraan pendapatan boleh agih, perbelanjaan-perbelanjaan tersebut boleh ditolak.
- (d) Pengagihan pendapatan oleh badan amanah suatu amanah kepada benefisiarinya bukan perbelanjaan hasil dan tidak boleh dipotong dalam pengiraan jumlah pendapatan badan amanah.
- (e) Bahagian benefisiari bagi pendapatan boleh agih dan jumlah pendapatan boleh agih boleh digunakan dalam sesetengah formula tertentu untuk menentukan bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah.

11.7 Ringkasan perbezaan antara pendapatan boleh agih dan jumlah pendapatan

Butiran	Pendapatan Boleh Agih	Jumlah Pendapatan
Pengiraan	Pendapatan boleh agih tidak ditakrifkan dalam ACP. Pendapatan boleh agih adalah wang sebenar yang ada untuk diagihkan. Ditentukan berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima umum.	Ditentukan mengikut peruntukan dalam ACP.
Kebolehkenaan cukai	Pendapatan boleh agih bukanlah perbelanjaan yang boleh ditolak dalam memperoleh jumlah pendapatan badan amanah dan tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.	Jumlah pendapatan tertakluk kepada cukai pendapatan.

Butiran	Pendapatan Boleh Agih	Jumlah Pendapatan
Hak bahagian	Surat ikatan amanah akan menyatakan setiap hak bahagian benefisiari (keseluruhan atau pecahan) kepada pendapatan amanah. Benefisiari menerima pengagihan daripada amanah berdasarkan jumlah wang sebenar yang ada untuk diagihkan iaitu pendapatan boleh agih daripada amanah.	Bagi tujuan cukai pendapatan setiap benefisiari suatu amanah, setiap bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah perlu ditentukan. Bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah adalah hak bahagian yang sama (keseluruhan atau pecahan) seperti yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah.

12. Benefisiari Amanah

12.1 Benefisiari tertakluk kepada cukai

Benefisiari amanah tertakluk kepada cukai berkaitan dengan apa-apa pendapatan daripada punca biasa atau punca selanjutnya (punca asing) di bawah perenggan 4(e) ACP. Seorang benefisiari yang pemastautin untuk tujuan cukai akan dibenarkan pelepasan diri. Sekiranya bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah telah dikenakan cukai pada peringkat badan amanah, tolakan di bawah subseksyen 110(8) ACP dibenarkan kepada benefisiari itu. Jika bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan telah dipotong daripada jumlah pendapatan dalam memperoleh pendapatan yang boleh dikenakan cukai badan amanah seperti yang ditunjukkan dalam Contoh 1, tolakan di bawah subseksyen 110(8) ACP tidak boleh dibenarkan kerana bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan belum dikenakan cukai.

12.2 Pendapatan daripada punca biasa

Hak benefisiari pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk apa-apa pendapatan daripada amanah dianggap sebagai puncanya berhubung dengan amanah itu. Bahagian benefisiari daripada apa-apa jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah bagi suatu tahun taksiran dianggap sebagai pendapatan berkanunnya daripada punca biasanya untuk tahun tersebut.

Contoh 2

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1.

Bahagian benefisiari B dari jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah untuk tahun taksiran 2018 ialah RM70,000. RM70,000 ini dianggap sebagai pendapatan berkanun B daripada punca biasa.

12.3 Punca selanjutnya (punca asing)

Dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran, jika **jumlah keseluruhan** pendapatan diterima:

- (a) di Malaysia oleh benefisiari daripada badan amanah suatu amanah; dan
- (b) di luar Malaysia oleh benefisiari daripada badan amanah suatu amanah dalam mana-mana tahun dan diremit ke Malaysia,

melebihi jumlah pendapatan berkanun daripada punca biasa benefisiari berhubung dengan amanah bagi tahun taksiran tersebut, **lebih** itu dianggap sebagai pendapatan **punca selanjutnya (punca asing)** benefisiari berhubung dengan amanah itu. Lebihan tersebut merupakan pendapatan berkanun daripada punca selanjutnya bagi tahun taksiran tersebut.

Jika KPHDN berpuas hati bahawa jumlah yang sama dengan mana-mana bahagian lebihan (punca selanjutnya) dianggap sebagai komponen pendapatan berkanun benefisiari daripada punca biasanya berhubung dengan amanah untuk mana-mana tahun taksiran sebelumnya, pendapatan berkanun benefisiari daripada punca selanjutnya dikurangkan dengan jumlah sedemikian.

Pendapatan berkanun daripada punca selanjutnya adalah punca asing dan dianggap diperoleh dari luar Malaysia. Walau bagaimanapun, pendapatan punca selanjutnya benefisiari pemastautin dikecualikan daripada cukai menurut perenggan 28, Jadual 6 ACP. Benefisiari bukan pemastautin tidak akan dikenakan cukai ke atas pendapatan selanjutnya kerana ia adalah pendapatan yang tidak diperoleh dari Malaysia.

Contoh 3

Amanah BB adalah amanah tanpa budi bicara yang bukan pemastautin untuk tahun asas 2017 dan 2018. Benefisiari A dan B adalah pemastautin untuk tahun taksiran 2017 dan 2018. Kedua-duanya berhak untuk $\frac{1}{2}$ bahagian daripada pendapatan boleh agih badan amanah. Jumlah pendapatan badan amanah bagi tahun taksiran 2017 dan 2018 masing-masing adalah RM15,000 dan RM10,000. Ringkasan pendapatan boleh agih yang diterima oleh benefisiari dan hak mereka kepada jumlah pendapatan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2017 and 2018
Penerimaan oleh Benefisiari Pendapatan Boleh Agih dan Hak kepada
Jumlah Pendapatan daripada Badan Amanah Suatu Amanah

Tahun Taksiran 2017		
Benefisiari	Penerimaan Pendapatan Boleh Agih RM	Hak kepada Jumlah Pendapatan RM
A (Pemastautin)	6,000	7,500 ($\frac{1}{2}$ X 15,000)
B (Pemastautin)	6,000	7,500 ($\frac{1}{2}$ X 15,000)

Tahun Taksiran 2018		
Benefisiari	Penerimaan Pendapatan Boleh Agih RM	Hak kepada Jumlah Pendapatan RM
A (Pemastautin)	6,000	5,000 ($\frac{1}{2}$ X 10,000)
B (Pemastautin)	6,000	5,000 ($\frac{1}{2}$ X 10,000)

Tahun taksiran 2017

Pendapatan berkanun A dan B daripada punca biasa ialah RM7,500 setiap seorang. Pengagihan yang diterima oleh A dan B adalah RM6,000 setiap seorang. A dan B tidak menerima pendapatan punca asing kerana jumlah pengagihan yang diterima kurang daripada pendapatan berkanun A dan B daripada punca biasa.

Tahun taksiran 2018

Pendapatan berkanun A dan B daripada punca biasa adalah RM5,000 setiap seorang. Pengagihan yang diterima oleh A dan B adalah RM6,000 setiap seorang. A dan B masing-masing mempunyai lebih RM1,000 (RM6,000-RM5,000) sebagai tambahan kepada pendapatan berkanun mereka daripada punca biasa. Lebihan ini dianggap sebagai pendapatan punca asing. Walau bagaimanapun, pendapatan punca asing yang diterima oleh A dan B dikecualikan daripada cukai menurut perenggan 28, Jadual 6 ACP.

Sekiranya KPHDN berpuas hati bahawa mana-mana bahagian lebih RM1,000 yang diagihkan kepada A dan B pada tahun taksiran 2018 dianggap sebagai komponen pendapatan berkanun A dan B daripada punca biasanya dalam tahun taksiran 2017, pendapatan berkanun A dan B daripada punca asing dikurangkan sebanyak RM1,000 setiap seorang dalam tahun taksiran 2018.

12.4 Hak benefisiari kepada pendapatan boleh agih daripada amanah dan jumlah pendapatan amanah

- (a) Jika hak benefisiari atau benefisiari-benefisiari adalah keseluruhan atau pecahan tertentu (seperti yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah) pendapatan boleh agih dari badan amanah suatu amanah (sama ada pemastautin atau tidak) untuk tahun asas bagi suatu tahun taksiran, perkadaran yang sama (keseluruhan atau pecahan tertentu) akan menjadi hak benefisiari atau benefisiari-benefisiari kepada jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah. Hak benefisiari atas jumlah pendapatan dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran akan dikenakan cukai ke atas benefisiari tanpa mengira sama ada benefisiari tersebut telah menerima pendapatan tersebut atau tidak.
- (b) Walaupun hak kepada kedua-dua pendapatan boleh agih dan jumlah pendapatan adalah dalam perkadaran yang sama (keseluruhan atau pecahan tertentu), amaun pendapatan boleh agih yang diterima oleh benefisiari mungkin bukan jumlah yang sama dengan bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah.

Contoh 4

Amanah CC adalah amanah tanpa budi bicara yang bermastautin di Malaysia. Terdapat dua (2) orang benefisiari, C dan D, masing-masing berhak $\frac{1}{4}$ bahagian dan $\frac{3}{4}$ bahagian daripada pendapatan boleh agih.

Pendapatan dan perbelanjaan badan amanah untuk tahun berakhir 31.12.2018

Pendapatan / Perbelanjaan	RM	RM
Pendapatan kasar daripada perniagaan	80,000	90,000
Pendapatan kasar daripada faedah	10,000	
Perbelanjaan perniagaan (hasil)	30,000	45,000
Perbelanjaan perniagaan (modal)	10,000	
Perbelanjaan pentadbiran	5,000	

Nota:

Perbelanjaan pentadbiran berjumlah RM5,000 merupakan bayaran bagi pengurusan dan pentadbiran amanah yang bukan kesemua dan sematamata dibelanjakan dalam menghasilkan pendapatan. Oleh itu, perbelanjaan pentadbiran tersebut tidak boleh ditolak dalam menentukan jumlah pendapatan amanah.

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Pendapatan Boleh Agih dan Jumlah Pendapatan

Pendapatan	Pengiraan
Pendapatan boleh agih	RM Pendapatan kasar 90,000 Tolak: Perbelanjaan 45,000 Pendapatan boleh agih <u>45,000</u>
Jumlah pendapatan	RM Pendapatan kasar perniagaan 80,000 Tolak: Perbelanjaan perniagaan dibenarkan <u>30,000</u> Pendapatan larasan / berkanun perniagaan 50,000 Pendapatan berkanun faedah <u>10,000</u> Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan <u>60,000</u>

Tahun Taksiran 2018
Hak Benefisiari kepada Pendapatan Boleh Agih dan Jumlah
Pendapatan daripada Badan Amanah Suatu Amanah

Benefisiari	Hak	
	Pendapatan Boleh Agih	Jumlah Pendapatan
	RM	RM
C	11,250 ($\frac{1}{4}$ X 45,000)	15,000 ($\frac{1}{4}$ X 60,000)
D	33,750 ($\frac{3}{4}$ X 45,000)	45,000 ($\frac{3}{4}$ X 60,000)

Bahagian C dan D daripada jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah untuk tahun taksiran 2018 dianggap sebagai pendapatan berkanun mereka daripada punca biasa untuk tahun tersebut.

- 12.5 Hak benefisiari kepada pendapatan boleh agih bagi sebahagian atau mana-mana bahagian daripada tahun asas

Jika suatu amanah wujud sepanjang tahun asas bagi suatu tahun taksiran, dan sebahagian atau mana-mana bahagian daripada tahun asas itu benefisiari

berhak kepada keseluruhan atau pecahan tertentu pendapatan boleh agih daripada badan amanah, sama ada pemastautin atau tidak:

- (a) jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah akan dianggap sebagai terakru secara sama rata dari hari ke hari sepanjang tahun asas dan jumlah pendapatan akan dibahagikan berhubung dengan sebahagian mana-mana bahagian dalam tahun asas itu;
- (b) keseluruhan atau pecahan tertentu daripada jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah untuk sebahagian atau mana-mana bahagian daripada tahun asas adalah bahagian benefisiari bagi jumlah pendapatan badan amanah itu; dan
- (c) bahagian benefisiari bagi jumlah pendapatan yang telah ditentukan untuk sebahagian atau mana-mana bahagian daripada tahun asas akan diagregatkan dan dianggap sebagai jumlah bahagiannya daripada jumlah pendapatan itu.

Contoh 5

Amanah DD adalah amanah tanpa budi bicara yang bermastautin di Malaysia dan wujud sepanjang tahun 2018. Sehingga 30.6.2018, dua (2) benefisiarinya, A dan B, masing-masing berhak $\frac{1}{4}$ bahagian dan $\frac{3}{4}$ bahagian pendapatan boleh agih daripada badan amanah suatu amanah. Dari 1.7.2018, A berhak kepada keseluruhan pendapatan boleh agih kerana A adalah satu-satunya benefisiari yang masih hidup. Jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah untuk tahun taksiran 2018 ialah RM20,000.

Jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah dianggap terakru secara sama rata dari hari ke hari dalam tempoh 1.1.2018 hingga 30.6.2018 adalah RM10,000. Jumlah pendapatan badan amanah yang disifatkan terakru untuk setengah tahun kedua yang berakhir 31.12.2018 adalah RM10,000.

Tahun Taksiran 2018
Hak Benefisiari kepada Jumlah Pendapatan
daripada Badan Amanah Suatu Amanah

Benefisiari	Hak kepada Jumlah Pendapatan		
	1.1.2018 hingga 30.6.2018	1.7.2018 hingga 31.12.2018	Pendapatan Berkanun daripada Punca Biasa
	RM	RM	RM
A	2,500 ($\frac{1}{4}$ X 10,000)	10,000	12,500
B	7,500 ($\frac{3}{4}$ X 10,000)	Tiada	7,500
Jumlah	10,000	10,000	20,000

Nota

Pengiraan hak benefisiari kepada jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah adalah seperti yang ditunjukkan di atas walaupun Amanah DD adalah bukan pemastautin untuk tahun taksiran 2018.

12.6 Jumlah yang diterima oleh benefisiari

Amaun yang diterima oleh benefisiari adalah jumlah yang bersifat pendapatan dan termasuk amaun yang dibayar oleh pemegang amanah bagi pihak benefisiari atau untuk manfaat benefisiari.

Contoh 6

Amanah EE, amanah tanpa budi bicara adalah bukan pemastautin bagi tahun asas 2018. Bagi tahun taksiran 2018, badan amanah mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM10,000 dan memperoleh pendapatan punca asing sebanyak RM5,000. Setiap daripada dua (2) benefisiarinya iaitu A dan B berhak mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian pendapatan boleh agih sebanyak RM15,000 daripada badan amanah. Benefisiari A adalah pemastautin dan benefisiari B bukan pemastautin untuk tahun taksiran 2018.

Tahun Taksiran 2018
Hak Benefisiari kepada Pendapatan Boleh Agih dan
Jumlah Pendapatan daripada Badan Amanah Suatu Amanah

Benefisiari	Hak	
	Pendapatan Boleh Agih RM	Jumlah Pendapatan RM
A (Pemastautin)	7,500 ($\frac{1}{2}$ X 15,000)	5,000 ($\frac{1}{2}$ X 10,000)
B (Bukan Pemastautin)	7,500 ($\frac{1}{2}$ X 15,000)	5,000 ($\frac{1}{2}$ X 10,000)

Bagi tahun taksiran 2018:

- (a) Pendapatan berkanun A daripada punca biasa ialah RM5,000. Pendapatan punca asing yang diterima oleh A sebanyak RM2,500 (RM7,500 – RM5,000) adalah dikecualikan daripada cukai menurut perenggan 28, Jadual 6 ACP.
- (b) Pendapatan berkanun B daripada punca biasa ialah RM5,000. Pendapatan punca asing yang diterima oleh B sebanyak RM2,500 (RM7,500 – RM5,000) tidak tertakluk kepada cukai kerana ia adalah pendapatan yang tidak diperoleh dari Malaysia.

13. Amanah Budi Bicara

13.1 Jumlah pendapatan amanah yang diagihkan mengikut budi bicara pemegang amanah

Amanah budi bicara adalah amanah di mana pemegang amanah diberi budi bicara, seperti yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah untuk menentukan jumlah pendapatan amanah (bukan modal) yang akan diagihkan kepada benefisiari, atau kelas benefisiari tertentu. Amanah bukanlah amanah budi bicara jika budi bicara pemegang amanah hanyalah berkenaan dengan waktu dan cara pembayaran pendapatan amanah. Badan amanah bagi amanah budi bicara ditaksir dan dikenakan cukai atas jumlah pendapatannya bagi suatu tahun taksiran dengan cara yang sama seperti mana-mana badan amanah suatu amanah lain.

13.2 Pendapatan benefisiari daripada amanah budi bicara

Pendapatan berkanun benefisiari amanah budi bicara, sama ada badan amanah itu pemastautin atau tidak bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran dikira seperti berikut:

(a) Benefisiari tunggal

Bahagian tertentu benefisiari tunggal daripada jumlah pendapatan badan amanah bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran dianggap sebagai -

- (i) jumlah semua wang yang diterima di Malaysia dalam tahun asas daripada badan amanah suatu amanah; atau
 - (ii) jumlah pendapatan badan amanah bagi tahun taksiran itu,
- mengikut mana yang lebih rendah.

Bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah, adalah pendapatan berkanunnya daripada badan amanah bagi suatu tahun taksiran. Pendapatan berkanun ini adalah daripada punca biasa benefisiari dan akan dicukai ke atas benefisiari.

Contoh 7

Di bawah syarat-syarat wasiat, amanah budi bicara diwujudkan untuk manfaat benefisiari tunggal. Pemegang amanah diberi kuasa untuk melepaskan sejumlah wang yang difikirkannya perlu bagi penyelenggaraan dan manfaat benefisiari. Bagi tahun taksiran 2018, jumlah pendapatan amanah ialah RM100,000 dan pada tahun berakhir 31.12.2018, pemegang amanah mengagihkan RM120,000 kepada benefisiari.

Pendapatan berkanun benefisiari daripada punca biasanya ialah RM100,000, iaitu yang mana lebih rendah daripada -

- (a) jumlah pendapatan amanah sebanyak RM100,000; atau
- (b) pengagihan yang diterima sebanyak RM120,000.

Contoh 8

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 7 kecuali bagi tahun taksiran 2018, jumlah pendapatan amanah ialah RM100,000 dan pada tahun berakhir 31.12.2018, pemegang amanah mengagihkan RM80,000 kepada benefisiari. Di samping itu, pendapatan berkanun benefisiari daripada pendapatan sewa ialah RM70,000.

Pendapatan berkanun benefisiari daripada punca biasanya ialah RM80,000, iaitu yang mana lebih rendah daripada -

- (a) jumlah pendapatan amanah sebanyak RM100,000; atau
- (b) pengagihan yang diterima sebanyak RM80,000.

Cukai yang kena dibayar oleh amanah adalah RM24,000 (24% X RM100,000). Cukai yang ditanggung oleh bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan amanah akan dibenarkan tolakan di bawah subseksyen 110 (8) ACP. Oleh itu, tolakan sebanyak RM19,200 (24% X RM80,000) akan dibenarkan terhadap cukai pendapatan yang kena dibayar oleh benefisiari.

Tahun Taksiran 2018	RM
Pengiraan Cukai yang Kena Dibayar oleh Badan Amanah Suatu Amanah	
Jumlah pendapatan	100,000
Cukai yang kena dibayar (24%)	24,000

Tahun Taksiran 2018	RM
Pengiraan Cukai yang Kena Dibayar oleh Benefisiari Amanah	
Pendapatan berkanun sewa	70,000
Pendapatan berkanun amanah	80,000
Jumlah pendapatan / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	150,000
Cukai yang kena dibayar mengikut kadar cukai pendapatan individu	22,900
Tolak:	
Subseksyen 110(8) ACP [RM80,000 x 24%]	19,200
Cukai yang dikenakan	3,700

(b) Lebih daripada satu benefisiari tertentu

Di mana seorang benefisiari tertentu -

- (i) adalah salah satu daripada kelas benefisiari suatu amanah; dan
- (ii) telah menerima di Malaysia, dan mana-mana benefisiari atau benefisiari-benefisiari lain dalam kelas itu telah menerima di Malaysia apa-apa jumlah yang bersifat pendapatan dalam tahun asas itu daripada badan amanah; dan
- (iii) jumlah agregat wang yang diterima oleh semua benefisiari melebihi jumlah pendapatan badan amanah bagi tahun taksiran itu,

pendapatan berkanun bahagian benefisiari ditentukan seperti berikut -

$$\text{Jumlah pendapatan badan amanah} \times \frac{\text{Jumlah semua wang yang diterima oleh benefisiari}}{\text{Jumlah agregat yang diterima oleh semua benefisiari}}$$

Contoh 9

Amanah GG, amanah budi bicara yang bermastautin di Malaysia telah diwujudkan untuk manfaat dua (2) orang benefisiari, A dan B. Pemegang amanah diberi kuasa untuk mengagihkan sejumlah amaun yang dianggap perlu bagi penyelenggaraan dan manfaat benefisiari. Bagi tahun taksiran 2018, jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah ialah RM150,000 dan pemegang amanah melepaskan RM40,000 untuk

manfaat A dan RM80,000 untuk manfaat B pada tahun berakhir 31.12.2018.

Pendapatan agregat sebanyak RM120,000 (RM40,000 + RM80,000) yang diterima oleh benefisiari tidak melebihi jumlah pendapatan amanah sebanyak RM150,000. Oleh itu, bagi tahun taksiran 2018, pendapatan berkanun daripada punca biasa A dan B masing-masing adalah RM40,000 dan RM80,000.


Contoh 10

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 9 kecuali pada tahun berakhir 31.12.2018, A dan B menerima pendapatan boleh agih masing-masing sebanyak RM80,000 dan RM120,000.

Oleh sebab jumlah agregat sebanyak RM200,000 (RM80,000 + RM120,000) yang diterima oleh benefisiari melebihi jumlah pendapatan amanah berjumlah RM150,000, pendapatan berkanun A dan B daripada punca biasa mereka dikira seperti berikut -

$$\begin{array}{rclcl} \text{A} & \text{RM150,000} & \times & \frac{\text{RM80,000}}{\text{RM200,000}} & = & \text{RM60,000} \\ \\ \text{B} & \text{RM150,000} & \times & \frac{\text{RM120,000}}{\text{RM200,000}} & = & \text{RM90,000} \end{array}$$

- (c) Ringkasan penentuan pendapatan berkanun benefisiari bagi amanah budi bicara



14. Amanah Campuran

- 14.1 Jika pemegang amanah mempunyai kuasa budi bicara ke atas sebahagian daripada pendapatan boleh agih daripada amanah dan kuasa tanpa budi bicara ke atas bahagian lain daripada pendapatan boleh agih daripada amanah, amanah itu dikenali sebagai amanah campuran. Jumlah pendapatan badan amanah dibahagikan kepada bahagian budi bicara dan bahagian tanpa budi bicara. Pendapatan berkanun benefisiari adalah jumlah agregat bahagian budi bicara dan bahagian tanpa budi bicara. Jumlah pendapatan badan amanah dibahagikan kepada budi bicara dan tanpa budi bicara mengikut formula berikut:

(a) Bahagian budi bicara

$$\begin{array}{ccc} \text{Jumlah} & & \text{Bahagian budi bicara daripada pendapatan} \\ \text{pendapatan} & & \text{boleh agih} \\ \text{badan amanah} & \times & \frac{\text{Jumlah pendapatan boleh agih badan amanah}}{\text{Jumlah pendapatan boleh agih badan amanah}} \end{array}$$

(b) Bahagian tanpa budi bicara

$$\begin{array}{ccc} \text{Jumlah} & & \text{Bahagian tanpa budi bicara daripada} \\ \text{pendapatan} & & \text{pendapatan boleh agih} \\ \text{badan amanah} & \times & \frac{\text{Jumlah pendapatan boleh agih badan amanah}}{\text{Jumlah pendapatan boleh agih badan amanah}} \end{array}$$

Contoh 11

Amanah HH, pemastautin amanah campuran di Malaysia diwujudkan untuk manfaat A dan B yang akan menerima $\frac{3}{4}$ bahagian dan $\frac{1}{4}$ bahagian separuh daripada pendapatan boleh agih badan amanah tersebut. Baki pendapatan boleh agih akan dibahagikan antara C dan D, yang akan diberikan jumlah yang dianggap perlu oleh pemegang amanah untuk penyelenggaraan mereka. C dan D masing-masing menerima pengagihan sebanyak RM10,000 dan RM8,000. Pendapatan boleh agih oleh badan amanah bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2018 ialah RM100,000 dan jumlah pendapatan ialah RM120,000.

Bahagian tanpa budi bicara daripada pendapatan boleh agih

$$\text{RM100,000} \times \frac{1}{2} = \text{RM50,000}^2$$

Bahagian budi bicara daripada pendapatan boleh agih

$$\text{RM100,000} \times \frac{1}{2} = \text{RM50,000}^3$$

Pada tahun berakhir 31.12.2018, A dan B masing-masing menerima RM37,500 ($\frac{3}{4} \times \text{RM50,000}$) dan RM12,500 ($\frac{1}{4} \times \text{RM50,000}$) daripada bahagian tanpa budi bicara pendapatan boleh agih.

Pada tahun berakhir 31.12.2018, C dan D masing-masing menerima RM10,000 dan RM8,000 daripada bahagian budi bicara pendapatan boleh agih.

Bahagian tanpa budi bicara daripada jumlah pendapatan badan amanah

$$\text{RM120,000} \times \frac{\text{RM50,000}^2}{\text{RM100,000}} = \text{RM60,000}^4$$

Bahagian budi bicara daripada jumlah pendapatan badan amanah

$$\text{RM120,000} \times \frac{\text{RM50,000}^3}{\text{RM100,000}} = \text{RM60,000}^5$$


Bagi tahun taksiran 2018, bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah ditentukan seperti berikut:

Benefisiari	Bahagian Tanpa Budi Bicara daripada Jumlah Pendapatan Badan Amanah	Bahagian Budi Bicara daripada Jumlah Pendapatan Badan Amanah	Pendapatan Berkanun Benefisiari daripada Punca Biasa
	RM	RM	RM
A	45,000 (60,000 ⁴ X $\frac{3}{4}$)	Tiada	45,000
B	15,000 (60,000 ⁴ X $\frac{1}{4}$)	Tiada	15,000
C	Tiada	10,000	10,000 ⁶
D	Tiada	8,000	8,000 ⁷

6,7 Nota

Jumlah agregat wang yang diterima oleh C dan D sebanyak RM18,000 (RM10,000 + RM8,000) tidak melebihi bahagian budi bicara daripada jumlah pendapatan (RM60,000⁵) badan amanah bagi tahun taksiran 2018. Oleh itu, pendapatan berkanun C dan D daripada punca biasa masing-masing adalah RM10,000 dan RM8,000. Formula yang dijelaskan dalam perenggan 13.2(b)(iii) KU ini tidak terpakai dalam kes ini.

14.2 Ringkasan penentuan pendapatan berkanun benefisiari bagi amanah campuran



15. Pendapatan daripada Amanah tertakluk kepada Amanah untuk Pengumpulan

15.1 Surat ikatan amanah boleh menetapkan pecahan tertentu daripada pendapatan boleh agih bagi amanah adalah:

- (a) diagihkan kepada benefisiari tertentu, sama ada untuk amanah tanpa budi bicara atau amanah budi bicara; dan
- (b) dikumpulkan untuk manfaat benefisiari tertentu sehingga memenuhi beberapa syarat seperti mencapai usia tertentu.

Dengan kata lain, sebahagian daripada pendapatan daripada amanah bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran mungkin tertakluk kepada amanah untuk pengumpulan seperti yang diperuntukkan dalam surat ikatan amanah.

- 15.2 Jika terdapat amanah untuk pengumpulan, pendapatan boleh agih badan amanah diperoleh selepas mengambil kira jumlah yang akan dikumpulkan. Oleh itu, bahagian jumlah pendapatan badan amanah untuk tujuan pengiraan bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan ditentukan seperti berikut:

$$\begin{array}{rcl} \text{Jumlah pendapatan} & \times & \frac{\text{Pendapatan boleh agih}}{\text{Pendapatan boleh agih campur}} \\ \text{amanah} & & \text{pendapatan amanah tertakluk kepada} \\ & & \text{amanah untuk pengumpulan} \end{array}$$

- 15.3 Pendapatan yang boleh dikenakan cukai badan amanah tidak terjejas sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah pendapatan tertakluk kepada pengumpulan. Cukai yang kena dibayar oleh amanah akan tetap sama walaupun amanah itu tertakluk kepada pengumpulan. Cukai yang kena dibayar untuk bahagian jumlah pendapatan badan amanah suatu amanah yang terkumpul tidak diberikan sebagai kredit cukai kepada benefisiari.
- 15.4 Apabila benefisiari menerima pengagihan daripada pendapatan yang terkumpul, tiada lagi cukai akan dikenakan ke atas benefisiari kerana badan amanah telah membayar cukai ke atas pendapatan tersebut.

Contoh 12

Amanah JJ, amanah tanpa budi bicara tertakluk kepada pengumpulan adalah amanah pemastautin di Malaysia dengan tiga (3) benefisiari, A, B dan C. RM60,000 akan dikumpulkan untuk A sehingga dia mencapai umur 21 tahun. Bahagian B dan C daripada baki pendapatan boleh agih masing-masing ialah $\frac{3}{4}$ dan $\frac{1}{4}$. Pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2018 adalah seperti berikut:

Butiran	RM	RM
Sewa daripada harta tanah		120,000
Faedah		20,000
		140,000
Tolak: Perbelanjaan		
Faedah pinjaman (harta tanah)	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
Pendapatan bersih		130,000

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Pendapatan Boleh Agih

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
Pendapatan kasar faedah		20,000
		140,000
 Tolak: Perbelanjaan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
Pendapatan kasar tolak perbelanjaan		130,000
 Tolak:		
Pengumpulan untuk A		60,000 ⁸
Pendapatan boleh agih		70,000 ⁹

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Jumlah Pendapatan

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
 Tolak: Perbelanjaan dibenarkan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
Pendapatan berkanun sewa		110,000
Pendapatan berkanun faedah		20,000
Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan		130,000 ¹⁰

Pengiraan Pendapatan Berkanun Benefisiari

$$\begin{array}{rcl}
 \text{RM130,000}^{10} & \times & \frac{\text{RM70,000}^9}{\text{RM130,000}} \\
 & & (\text{RM70,000}^9 + \text{RM60,000}^8)
 \end{array}
 = \text{RM70,000}^{11}$$

Tahun Taksiran 2018

Pendapatan Berkanun Benefisiari daripada Punca Biasa

$$B = \text{RM}52,500 \left(\text{RM}70,000^{11} \times \frac{3}{4} \right)$$

$$C = \text{RM}17,500 \left(\text{RM}70,000^{11} \times \frac{1}{4} \right)$$

A tidak mempunyai pendapatan berkanun daripada badan amanah untuk tahun taksiran 2018 kerana bahagian A akan dikumpulkan sehingga A telah mencapai umur 21 tahun. Apabila A berumur 21 tahun, jumlah sekaligus yang diperolehnya daripada badan amanah tidak akan dikenakan cukai.

Contoh 13

Sama seperti dalam Contoh 11 kecuali dalam surat ikatan amanah itu telah menetapkan RM20,000 akan dikumpulkan untuk E sehingga dia mencapai usia 21 tahun.

Tahun Taksiran 2018

Pengiraan Pendapatan Boleh Agih

Butiran	RM
Pendapatan kasar tolak perbelanjaan	100,000
Tolak:	
Pengumpulan untuk E	20,000 ¹²
Pendapatan boleh agih	<u>80,000¹³</u>

Bahagian tanpa budi bicara daripada pendapatan boleh agih

$$\text{RM}80,000^{13} \times \frac{1}{2} = \text{RM}40,000^{14}$$

Bahagian budi bicara daripada pendapatan boleh agih

$$\text{RM}80,000^{13} \times \frac{1}{2} = \text{RM}40,000^{15}$$

Pada tahun berakhir 31.12.2018, A dan B masing-masing menerima RM30,000 ($\frac{3}{4} \times \text{RM}40,000^{14}$) dan RM10,000 ($\frac{1}{4} \times \text{RM}40,000^{15}$) daripada bahagian tanpa budi bicara pendapatan boleh agih.

Bahagian tanpa budi bicara daripada jumlah pendapatan badan amanah

$$\text{RM120,000} \quad \times \quad \frac{\text{RM40,000}^{14}}{\text{RM100,000} \quad (\text{RM80,000}^{13} + \text{RM20,000}^{12})} = \text{RM48,000}^{16}$$

Bahagian budi bicara daripada jumlah pendapatan badan amanah

$$\text{RM120,000} \quad \times \quad \frac{\text{RM40,000}^{15}}{\text{RM100,000} \quad (\text{RM80,000}^{13} + \text{RM20,000}^{12})} = \text{RM48,000}^{17}$$

Bagi tahun taksiran 2018, bahagian benefisiari daripada jumlah pendapatan badan amanah ditentukan seperti berikut:

Benefisiari	Bahagian Tanpa Budi Bicara daripada Jumlah Pendapatan Badan Amanah	Bahagian Budi Bicara daripada Jumlah Pendapatan Badan Amanah	Pendapatan Berkanun Benefisiari daripada Punca Biasa
	RM	RM	RM
A	36,000 ($48,000^{16} \times \frac{3}{4}$)	Tiada	36,000
B	12,000 ($48,000^{16} \times \frac{1}{4}$)	Tiada	12,000
C	Tiada	10,000	10,000 ¹⁸
D	Tiada	8,000	8,000 ¹⁹

E tidak mempunyai pendapatan berkanun daripada badan amanah bagi tahun taksiran 2018 kerana bahagian E akan dikumpulkan sehingga E mencapai umur 21 tahun. Apabila E berumur 21 tahun, jumlah sekaligus yang diterima daripada badan amanah tidak akan dikenakan cukai.

18. 19Nota

Jumlah agregat wang yang diterima oleh C dan D sebanyak RM18,000 (RM10,000 + RM8,000) tidak melebihi bahagian budi bicara daripada jumlah pendapatan (RM48,000¹⁷) badan amanah bagi tahun taksiran 2018. Oleh itu, pendapatan berkanun C dan D daripada punca biasa masing-masing berjumlah RM10,000 dan RM8,000. Formula seperti yang dijelaskan dalam perenggan 13.2 (b)(iii) KU ini tidak terpakai dalam kes ini.

16. Anuiti Amanah

Seorang benefisiari amanah boleh layak memperoleh anuiti daripada badan amanah seperti yang ditetapkan dalam surat ikatan amanah. Jumlah anuiti yang kena dibayar akan ditolak daripada pendapatan agregat untuk memperoleh jumlah pendapatan badan amanah. Penentuan sama ada anuiti tersebut diperoleh dari Malaysia adalah seperti berikut:

- 16.1 Jika keseluruhan pendapatan kasar badan amanah daripada setiap puncanya untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran diperoleh dari Malaysia atau badan amanah itu pemastautin untuk tahun asas bagi tahun taksiran itu –
- (a) amaun yang kena dibayar berkaitan dengan anuiti bagi tahun asas itu dianggap diperoleh dari Malaysia, sama ada badan amanah mempunyai apa-apa jumlah pendapatan untuk tahun taksiran itu atau tidak; dan
 - (b) dalam menentukan jumlah pendapatan (jika ada) badan amanah bagi tahun taksiran itu, jumlah anuiti akan ditolak selepas apa-apa potongan menurut subseksyen 44(2) dan Jadual 4 atau 4B ACP, dan sebelum apa-apa potongan menurut subseksyen 44(6) atau 44(6A) ACP.

Contoh 14

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 12 kecuali A menerima anuiti sebanyak RM60,000 dan B dan C akan menerima 60% daripada pendapatan boleh agih dalam bahagian yang sama dan baki 40% akan dikumpulkan untuk A sehingga dia mencapai umur 21 tahun.

Tahun Taksiran 2018 Pengiraan Pendapatan Boleh Agih

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
Pendapatan kasar faedah		20,000
		<u>140,000</u>
Tolak: Perbelanjaan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
	<u></u>	<u>130,000</u>
Pendapatan kasar tolak perbelanjaan		
Tolak:		
Pengumpulan untuk A (40%)		52,000 ²⁰
Pendapatan boleh agih		<u><u>78,000²¹</u></u>

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Jumlah Pendapatan

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
Pendapatan berkanun sewa		110,000
Pendapatan berkanun faedah		20,000
Pendapatan agregat		130,000
Tolak:		
Anuiti untuk A		60,000 ²²
Jumlah pendapatan		70,000 ²³

Pengiraan Pendapatan Berkanun Benefisiari

$$RM70,000^{23} \times \frac{RM78,000^{21}}{RM130,000} = RM42,000^{24}$$

(RM78,000²¹ + RM52,000²⁰)

Tahun Taksiran 2018
Pendapatan Berkanun Benefisiari daripada Punca Biasa

$$A = RM60,000^{22}$$

$$B = RM21,000 [RM42,000^{24} \times \frac{1}{2}]$$

$$C = RM21,000 [RM42,000^{24} \times \frac{1}{2}]$$

16.2 Sekiranya badan amanah bukan pemastautin untuk tahun asas bagi suatu tahun taksiran, dan badan amanah itu mempunyai sama ada satu punca pendapatan yang sebahagiannya diperoleh dari Malaysia, atau mempunyai lebih daripada satu punca dan salah satu puncanya adalah keseluruhannya atau sebahagiannya diperoleh dari Malaysia, -

- (a) anuiti amanah dianggap diperoleh dari Malaysia jika keseluruhan anuiti itu boleh ditolak bagi memperoleh jumlah pendapatan badan amanah; dan

Contoh 15

Amanah KK bukan pemastautin di Malaysia dengan benefisiari tunggal A yang merupakan pemastautin di Malaysia. Anuiti sebanyak RM130,000 telah dibayar kepada A pada 30.11.2018. Punca pendapatan berikut untuk tahun berakhir 31.12.2018 adalah seperti berikut -

Butiran	RM
Pendapatan perniagaan (Malaysia)	120,000
Pendapatan sewa (Malaysia)	10,000

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Jumlah Pendapatan

Butiran	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia)	120,000
Pendapatan berkanun sewa (Malaysia)	10,000
Pendapatan agregat	130,000
Tolak:	
Anuiti untuk A	130,000
Jumlah pendapatan	Tiada

A akan ditaksir bagi penerimaan anuiti RM130,000 di bawah perenggan 4(e) ACP.

- (b) jika keseluruhan anuiti tidak boleh ditolak bagi memperoleh jumlah pendapatan badan amanah kerana pendapatan agregat sebelum tolakan anuiti kurang daripada jumlah anuiti, amaun yang boleh ditolak dianggap diperoleh dari Malaysia.

Contoh 16

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 15 kecuali anuiti yang dibayar kepada A ialah RM150,000.

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Jumlah Pendapatan

Butiran	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia)	120,000
Pendapatan berkanun sewa (Malaysia)	10,000
Pendapatan agregat	130,000
Tolak:	
Anuiti untuk A (terhad)	130,000
Jumlah pendapatan	Tiada

Pendapatan anuiti sebanyak RM130,000 dianggap diperoleh dari Malaysia dan A akan ditaksir ke atas anuiti berjumlah RM130,000 di bawah perenggan 4(e) ACP. Pendapatan punca asing A berjumlah RM20,000 (RM150,000 – RM130,000) tidak tertakluk kepada cukai kerana ia adalah pendapatan tidak diperoleh dari Malaysia.

17. Anuiti Bersama

Sekiranya mana-mana anuiti bersama boleh dibayar seperti yang ditetapkan dalam surat ikatan amanah, setiap orang yang berkongsi anuiti dikenakan cukai atas pecahan anuiti itu, ditentukan dengan membahagikan jumlah anuiti itu dengan bilangan penerima anuiti bersama.

Jika dua atau lebih anuiti kena dibayar di bawah syarat-syarat amanah dan pendapatan tidak mencukupi untuk membenarkan kesemua potongan anuiti dalam memperoleh jumlah pendapatan amanah, KPHDN akan memberikan arahan untuk menentukan jumlah yang kena dibayar berhubung dengan setiap anuiti yang dianggap diperoleh dari Malaysia.

Contoh 17

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 14 kecuali A dan B masing-masing menerima anuiti sebanyak RM60,000 dan RM20,000. C akan menerima 60% daripada pendapatan boleh agih dan baki 40% akan dikumpulkan untuk A sehingga dia mencapai umur 21 tahun.

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Pendapatan Boleh Agih

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
Pendapatan kasar faedah		20,000
		<u>140,000</u>
Tolak: Perbelanjaan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
	<u>10,000</u>	
Pendapatan kasar tolak perbelanjaan		130,000
Tolak:		
Pengumpulan untuk A (40%)		52,000 ²⁵
		<u>78,000²⁶</u>

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Jumlah Pendapatan

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
	<u>10,000</u>	
Pendapatan berkanun sewa		110,000
Pendapatan berkanun faedah		20,000
		<u>130,000</u>
Pendapatan agregat		130,000
Tolak:		
Anuiti untuk A	60,000	
Anuiti untuk B	20,000	80,000 ²⁷
	<u>80,000</u>	
Jumlah pendapatan		<u>50,000²⁸</u>

Pengiraan Pendapatan Berkanun Benefisiari

$$\begin{array}{rcl}
 \text{RM50,000}^{28} & \times & \frac{\text{RM78,000}^{26}}{\text{RM130,000} \text{ (RM78,000}^{26} + \text{RM52,000}^{25})} = \text{RM30,000}^{29}
 \end{array}$$

Tahun Taksiran 2018
Pendapatan Berkanun Benefisiari daripada Punca Biasa

A = RM60,000

B = RM20,000

C = RM30,000²⁹

Contoh 17

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 16 kecuali A, B dan C masing-masing menerima anuiti sebanyak RM60,000, RM20,000 dan RM60,000.

Tahun Taksiran 2018
Pengiraan Jumlah Pendapatan

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar sewa		120,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan		
Faedah pinjaman	4,500	
Pembaikan dan penyelenggaraan	5,500	10,000
Pendapatan berkanun sewa		110,000
Pendapatan berkanun faedah		20,000
Pendapatan agregat		130,000 ³⁰
Tolak:		
Anuiti untuk A	60,000 ³¹	
Anuiti untuk B	20,000 ³²	
Anuiti untuk C	60,000 ³³	140,000 ³⁴
Jumlah pendapatan		<u><u>Tiada</u></u>

Bagi tahun taksiran 2018, bahagian benefisiari daripada setiap anuiti dianggap diperoleh dari Malaysia dikira seperti berikut:

		Anuiti diterima oleh benefisiari
Pendapatan agregat	X	
		Anuiti-anuiti diterima oleh kesemua benefisiari

Penerima Anuiti	Jumlah Anuiti Dianggap Diperoleh dari Malaysia	Jumlah Anuiti Dianggap Tidak Diperoleh dari Malaysia
A	$\text{RM130,000}^{30} \times \frac{\text{RM60,000}^{31}}{\text{RM140,000}^{34}} = \text{RM55,714}$	RM4,286 $(\text{RM60,000}^{31} - \text{RM55,714})$
B	$\text{RM130,000}^{30} \times \frac{\text{RM20,000}^{32}}{\text{RM140,000}^{34}} = \text{RM18,571}$	RM1,429 $(\text{RM20,000}^{32} - \text{RM18,571})$
C	$\text{RM130,000}^{30} \times \frac{\text{RM60,000}^{33}}{\text{RM140,000}^{34}} = \text{RM55,714}$	RM4,286 $(\text{RM60,000}^{33} - \text{RM55,714})$

18. Anggaran Cukai yang Kena Dibayar dan Bayaran Ansuran

Badan amanah suatu amanah dikehendaki mematuhi pembayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP melalui CP204 dan CP204A. Kegagalan mematuhi pembayaran ansuran ini akan mengakibatkan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) dan 107C(10) ACP.

19. Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan

Badan amanah dikehendaki mengemukakan BNCP (Borang **TA**) untuk tahun taksiran yang berkaitan dan membayar baki cukai yang kena dibayar kepada KPHDN dalam tempoh tujuh bulan dari tarikh selepas penutupan tempoh perakaunan yang berkaitan. Kegagalan untuk membayar baki cukai yang kena dibayar akan mengakibatkan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP.

20. Pencukaian Pemegang Amanah

Saraan yang diterima oleh pemegang amanah daripada amanah adalah pendapatan gaji di tangan pemegang amanah yang merupakan individu. Pemegang amanah akan dikenakan cukai ke atas pendapatan gaji di bawah perenggan 4(b) ACP. Sekiranya pemegang amanah merupakan sebuah syarikat, bayaran yang diterima akan dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP.

21. Pencukaian Penyelesai yang Membuat Penyelesaian untuk Penerima Bawah Umur

Suatu amanah boleh diwujudkan oleh seorang penyelesai untuk manfaat benefisiari yang merupakan penerima bawah umur (di bawah usia 21 tahun). Oleh itu, penyelesai yang membuat penyelesaian dan pendapatan yang timbul daripada

penyelesaian untuk manfaat penerima bawah umur akan dianggap sebagai pendapatan penyelesaian menurut seksyen 65 ACP.

22. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**